

LITERASI MAKLUMAT DIKALANGAN PESALAH JUVANA MALAYSIA

E.R. K. Rafedzi, PhD., Mohd Zairul Masron

Fakulti Pengurusan Maklumat,

Universiti Teknologi MARA,

Kampus Puncak Perdana, Shah Alam

Email : ezza464@uitm.edu.my, zairul_masron@uitm.edu.my

Abstrak : Mengikut Akta 537 : Akta Penjara 1995, pesalah juvana atau banduan muda adalah banduan yang berusia 21 tahun ke bawah. Seringkali kita dide dahkan oleh media mengenai kehidupan 'nger' pesalah juvana disebalik tirai besi; sedangkan kehidupan mereka di sana adalah semata-mata untuk mengubah mereka menjadi manusia yang baharu; bertanggungjawab, berdikari dan menyesal serta tidak akan mengulangi semula kesilapan atau kesalahan terdahulu. Disebabkan usia pesalah juvana yang terlalu muda, Jabatan Penjara Malaysia ada menyediakan kemudahan-kemudahan seperti sekolah yang mengikuti sukanan silibus Kementerian Pelajaran Malaysia, kewujudan bengkel kemahiran seperti menjahit, bertukang atau menggunting rambut, kelas 3M serta kelas persekolahan biasa atau kelas pengajian bagi pesalah juvana yang melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi (diploma/ijazah sarjana muda/pasca siawazah). Malah, Jabatan Penjara Malaysia juga ada menyediakan kelas keagamaan dan muzik untuk pesalah juvana. Dengan pelbagai kemudahan yang disediakan, tentunya ramai ingin mengetahui; apakah maklumat yang mereka sering perlukan dan apakah jenis bahan yang diperlukan mereka.

Kata kunci : Pesalah Juvana, Perpustakaan Penjara, Malaysia

Pengenalan

Pertukaran daripada kanak-kanak kepada dewasa agak kompleks dan mengelirukan kepada orang muda. Kebiasaannya, orang muda seperti ini masih tercari-cari identiti sendiri untuk menjadikan mereka dewasa. Ketika inilah individu dan persekitaran memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran, penampilan dan psikologi orang muda. Lambakan maklumat di dalam dunia siber juga adalah antara faktor penyumbang kepada pembentukan identiti orang muda. Jika terdedah dengan maklumat yang salah atau maklumat yang tidak sihat; secara tidak langsung akan memberikan kesan mendalam terhadap pembentukan identiti mana-mana individu. Di Malaysia, populasi remaja adalah yang kedua lebih besar berbanding kumpulan umur yang lain. Dengan kedudukan sebagai kumpulan kedua terbesar di Malaysia, golongan remaja juga merupakan golongan yang paling mudah terdedah dengan aktiviti jenayah/kesalahan kecil. Pada tahun 2006, sebanyak 8,113 remaja yang berumur antara 16 hingga 18 tahun telah ditangkap kerana melakukan kesalahan jenayah. Terdapat juga kes yang melibatkan kanak-kanak yang berusia antara 7 hingga 10 tahun. Jika dilihat kepada statistik, aktiviti jenayah dikalangan remaja semakin meningkat walaupun jumlah peningkatan pada setiap tahun adalah tidak terlalu tinggi. Mengikut Akta 537 : Akta Penjara 1995, pesalah juvana atau banduan muda adalah banduan yang berusia 21 tahun ke bawah. Peristiwa paling mengejutkan rakyat Malaysia yang melibatkan juvana berlaku pada tahun 2015; apabila seorang juvana yang berusia 19 tahun telah ditahan di KLIA kerana telah menyertai kumpulan pengganas Al Jund Al-Aqsa dan dipercayai telah menerima latihan penggunaan senjata oleh pengganas Hamar dan Idlip di Syria. Juvana ini telah ditahan oleh Pasukan Khas Bukit Aman.

Faktor Penyumbang kepada Jenayah

Peningkatan kepada bilangan jenayah di kalangan remaja adalah merugikan masa depan mereka dengan meringkuk di dalam penjara. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Malaysia dengan kerjasama Youth Development Centre for Psychology and Development Malaysia telah meletakkan punca kepada kejadian jenayah dikalangan kanak-kanak dan remaja di Malaysia adalah disebabkan oleh :

- a) 48.1% mengatakan bahawa kehidupan mereka adalah membosankan
- b) 38 % mengatakan bahawa itu adalah hobi mereka
- c) 27.8% mengatakan bahawa jenayah dilakukan adalah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya.

Tambahan lagi, faktor penyumbang paling ketara adalah disebabkan pendapatan hasil rumah keluarga adalah sekitar RM1000.00 ke bawah (Hasan, 2004) dan dikategorikan sebagai B40B1. Sehingga hari ini, selepas PKP/COVID19; isu gaji dibawah paras kemiskinan ini semakin memuncak dan menggalakkan juvana terlibat dengan kes-kes jenayah.

Berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dibuat oleh Social Exclusion Unit (SEU), UK; terdapat empat (4) faktor penyumbang kepada kejadian jenayah dikalangan juvana di seluruh dunia iaitu :

- a) Tahap Pendidikan yang rendah
- b) Latarbelakang keluarga
- c) Masalah sikap dan kesihatan mental
- d) Ketagihan alkohol

Kes-kes Jenayah Juvana

Kepesatan pembangunan dan pertambahan penduduk dunia telah mewujudkan pelbagai masalah kepada masyarakat dunia khususnya golongan juvana yang tercari-cari identiti sendiri. Di dalam menghadapi cabaran kepesatan pembangunan dan pertambahan penduduk;; masalah paling utama bagi negara miskin dan negara yang membangun adalah berkaitan kemiskinan keluarga, ketiadaan rumah, remaja yang tidak bersekolah dan tidak bekerja, keadaan sesak di kawasan perumahan setinggan, masalah keluarga dan masalah sistem pendidikan sesebuah negara (World Youth Report, 2003). Tekanan di sekeliling juvana ini akan menyebabkan mereka mudah terdedah dengan aktiviti jenayah.

Di Malaysia, kes jenayah yang melibatkan juvana adalah seperti kes samun motorsikal, mat rempit, pembunuhan bayi, penyalahgunaan dadah, merogol, pengguguran bayi, pergaduhan, mencuri/merompak, gengsterisme dan jenayah peras ugut. Kesemua kes ini berlaku di kalangan juvana yang masih bersekolah. Jika dilihat daripada penglibatan juvana dari segi umur, statistik daripada jabatan Penjara Malaysia konsisten menunjukkan umur di antara 16-17 tahun adalah paling ramai terlibat dengan kejadian jenayah. Ini adalah disebabkan faktor kegagalan akademik pada usia 15 tahun dan pengaruh rakan sebaya. Pada usia 17 tahun (selepas SPM dan tamat persekolahan), kebanyakan juvana di Malaysia telah mula mencari pekerjaan dan tinggal berjauhan daripada keluarga masing-masing. Mereka akan memilih untuk menetap bersama rakan-rakan sebaya. Corak kes jenayah dikalangan juvana dan kumpulan umur juvana terlibat dengan kes jenayah di Malaysia adalah sama seperti di negara luar seperti USA dan di negara Eropah.

Pendidikan Pesalah Juvana di Malaysia

Kanak-kanak di Malaysia pada amnya akan melalui sistem persekolahan selama enam (6) tahun di Sekolah Rendah dan lima (5) tahun di Sekolah Menengah. Dalam erti kata lain, juvana di Malaysia akan melalui 11 tahun pengalaman persekolahan seawall usia tujuh (7) tahun. Selepas tamat 11 tahun di dalam sistem pendidikan persekolahan, juvana akan didedahkan dengan pilihan untuk melanjutkan pengajian di peringkat kolej atau universiti.

Walaupun pesalah juvana berada di dalam dunia yang terasing dan terkurung, peluang pendidikan masih lagi diberikan kepada mereka. Penjara hanyalah tempat untuk mengubah penghuni di dalamnya agar menjadi lebih baik daripada sebelumnya (Rafedzi, 2016; Chiam & Chan, 2011). Sebelum pesalah juvana ini memasuki penjara, mereka hanyalah juvana bermasalah yang tidak berminat untuk menghadiri sesi persekolahan. Bagi mereka, sesi persekolahan hanyalah sesi yang membosankan. Penyelidikan mengenai pesalah juvana pada tahun 2012–2015 oleh Rafedzi telah membuktikan bahawa pesalah juvana menganggap kehadiran mereka di sekolah hanyalah untuk menjadi mangsa kemarahan para guru.

“Kelas ramai orang. Siapa tak pandai, akan tercicir. Cikgu bukan peduli pun. Baik tak payah sekolah.”

Di dalam persekitaran penjara di Malaysia, pesalah juvana akan menduduki ujian penetapan tahap pendidikan sebelum ditempatkan pada kelas yang bersesuaian sama ada kelas 3M, kelas menengah rendah atau menengah atas. Penjara bukanlah tempat yang kondusif untuk mengikuti sistem pembelajaran (Asher, 2006) tetapi Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil inisiatif untuk memperkuatkannya Sekolah Integrasi di Pusat Koreksional Penjara Malaysia dengan kemudahan yang bersesuaian untuk pesalah juvana mendapatkan ilmu pendidikan di peringkat sekolah atau di peringkat universiti dan juga ilmu kemahiran/vokasional yang ditawarkan di beberapa lokasi penjara.

“Saya lagi seronok belajar disini berbanding belajar diluar. Disini.. cikgu fokus kepada semua orang. Tak kisahlah pandai atau tidak; sama sahaja.” (Rafedzi, 2016).

Keperluan Maklumat oleh Pesalah Juvana

Di atas faktor usia, pesalah juvana kebiasaannya hanya terdedah kepada keperluan maklumat seperti :

a) Keperluan maklumat harian

Maklumat harian diperlukan oleh semua pesalah juvana yang baharu memasuki penjara. Pesalah juvana yang baharu biasanya akan berasa takut dengan cerita-cerita yang mereka dengar sebelum ini mengenai penjara. Bukan hanya persekitaran yang membuatkan mereka takut tetapi, cara penerimaan pesalah juvana yang lama juga mengganggu pemikiran dan perasaan mereka.

Sebagai pesalah juvana yang baharu, keperluan untuk mengetahui siapa yang berkuasa adalah penting untuk memastikan mereka tidak dipulaukan. Hari pertama berada di penjara juga penting kepada mereka untuk mencari sahabat yang boleh atau sentiasa bersedia membantu mereka yang baharu memasuki penjara.

b) Maklumat operasi penjara

Terdapat peraturan yang dicipta oleh pesalah juvana ‘senior’ kepada pesalah juvana baharu. Peraturan ini kebiasaannya tidak diketahui oleh pihak penjara.

Antara persoalan yang bermain difikiran pesalah juvana :

- i- Berapa lama masa bertugas anggota?
- ii- Siapa yang bertugas di ‘dorm’? Kelas? Dewan makan?
- iii- Siapa anggota yang paling tegas dan garang?
- iv- Siapa anggota yang paling mudah didekati?

c) Maklumat keluarga

Di penjara, perasaan sunyi dan rasa kehilangan itu adalah pasti. Pesalah juvana tidak menafikan mereka merindui perbualan harian bersama keluarga terutama dengan ibu dan bapa masing-masing, perkongsian pengalaman bersama keluarga dan gelak tawa bersama keluarga. Bagi pesalah juvana yang telah berkahwin, kerinduan jelas tergambar apabila mereka merindui isteri masing-masing malah ada yang tidak sempat untuk bersama anak sulung mereka. Pesalah juvana kerap memikirkan apa pandangan ahli keluarga mereka terhadap diri mereka dan kejujuran pasangan masing-masing ketika mereka berada di dalam penjara.

d) Maklumat berkaitan seks

Konsep ‘boys-will-be-boys’ adalah norma biasa bagi pesalah juvana. Pesalah juvana yang telah mendirikan rumah tangga biasanya dijadikan rujukan terus oleh pesalah juvana. Pelbagai soalan ditujukan dan kebiasaannya soalan berkenaan hanya kedengaran pada waktu malam sebelum waktu tidur. Jika tidak cukup dengan maklumat yang diperolehi, kebiasaannya, pesalah juvana berminat untuk bertanya soalan kepada ustaz yang membimbing mereka fardhu ain dan perkara asas sebagai seorang muslim.

e) Maklumat kesihatan

Penghuni penjara amat mementingkan tahap kesihatan mereka. Tidak terkecuali kepada pesalah juvana. Paling menakutkan mereka adalah ‘demam penjara’ dan melihat parut kesan daripada pergerakan cacing pada kulit kaki mereka selepas bertugas membersihkan tandas penjara.

f) Maklumat rekreasi

Ada beberapa orang pesalah juvana yang ditemui mula berminat untuk membaca ketika berada di dalam penjara. Pesalah juvana seperti ini berminat untuk berada di perpustakaan penjara untuk mencari buku atau majalah yang berkaitan dengan hobi mereka. Hobi memancing adalah hobi paling diminati oleh pesalah juvana. Buku berkaitan ikan dan memancing amatlah digemari oleh pesalah juvana.

“Saya tidak pandai membaca. Apabila saya melihat ikan ini (sambal menunjukkan gambar ikan pada buku); saya rindukan ayah saya. Dia rajin bawa saya pergi memancing.”

“Saya akan pergi ke sungai ini apabila bebas nanti. Katanya, banyak ikan disini.”

g) Maklumat perundangan

Pesalah juvana yang ditahan ada yang merupakan tahanan reman (kes masih dibicarakan) dan ada yang telah dijatuhkan hukuman. Bagi pesalah juvana tahanan reman, mereka lebih menggemari membaca surat khabar yang diperoleh di kawasan tahanan mahkamah atau dibawa oleh peguam mereka atau lebih berminat untuk berbicara dan berbincang atau mendapatkan maklumat mengenai kes jenayah mereka (Bagi situasi begini melibatkan tahanan reman pesalah juvana yang mempunyai peguam sendiri).

Bagi pesalah juvana yang telah dijatuhkan hukuman seperti hukuman penjara seumur hidup dan hanya boleh dilepaskan dengan mendapat pengampunan daripada Sultan; maklumat perundangan amat penting kepada mereka terutama jika tiba harinya anggota penjara mengarahkan mereka untuk menyediakan surat memohon pengampunan daripada Sultan atas kesalahan yang dilakukan.

“Saya hanya hendak mengetahui prosedur perundangan sahaja. Saya diampunkan atau tidak? Selepas itu, hari esoknya.. saya lupa semuanya. Tak penting pun.”

h) Maklumat pendidikan

Maklumat pendidikan amat penting buat pesalah juvana sama ada yang sedang mengikuti kelas 3M, menengah rendah atau menengah atas, vokasional atau institusi pengajian tinggi. Desakan untuk menyiapkan tugas sekolah atau universiti menyebabkan mereka lebih fokus untuk mencari bahan bacaan berkaitan. Ada juga pesalah juvana yang tidak berminat untuk belajar, tetapi atas sokongan moral daripada anggota penjara dan pesalah juvana yang lain menyebabkan mereka berminat untuk meyambung pelajaran sekolah di dalam penjara.

Subjek Popular

Subjek popular dikalangan pesalah juvana adalah berdasarkan kepada peringkat umur, kebolehan membaca dan peringkat pengajian/persekolahan.

- a) Bagi pesalah juvana muda (berusia dibawah 14 tahun), mereka lebih berminat untuk mendapatkan bahan bacaan seperti buku keagamaan, hiburan (komik) dan berkaitan hobi.
- b) Bagi pesalah juvana yang berada di dalam kelas 3M, mereka lebih berminat untuk mendapatkan bahan bacaan seperti buku cerita kanak-kanak, buku 3M (buku mengeja, mengira dan mewarna) dan koleksi bahan berkaitan sukan.
- c) Bagi pesalah juvana yang terlibat dengan kelas vokasional, mereka lebih berminat untuk mendapatkan bahan bacaan di dalam bidang yang diminati mereka tetapi bahan berkenaan tidak terdapat di dalam perpustakaan penjara. Selain daripada itu, mereka juga berminat untuk membaca buku berkaitan motivasi dan keagamaan.
- d) Manakala bagi pesalah juvana yang terlibat dengan kelas pengajian tinggi, mereka lebih berminat untuk mendapatkan bahan bacaan berunsurkan teknologi atau bidang yang berkaitan dengan pengajian mereka.

Penapisan Maklumat

Penapisan maklumat merupakan hal paling sensitif bagi pustakawan penjara (Lehmann, 1999). Ada beberapa kes di perpustakaan penjara tidak membenarkan koleksi bahan pendidikan dan rekreasi dibawa masuk sebagai bahan bacaan penghuni penjara.

Jabatan Penjara Malaysia telah menggariskan koleksi yang tidak dibenarkan berada di dalam perpustakaan penjara untuk dirujuk oleh penghuni penjara terutamanya kepada pesalah juvana. Malah, bahan bacaan seperti ini juga tidak dibenarkan dibawa masuk oleh keluarga pesalah juvana. Bahan bacaan mereka akan disemak terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada pesalah juvana. Koleksi yang diharamkan adalah seperti :

- a) Keganasan
- b) Dadah

- c) Peperangan
- d) Senjata
- e) Gengsterisme
- f) Tingkah laku negatif
- g) Teknologi internet/computer
- h) Gambar/foto/imej wanita

Justifikasi Penggunaan Perpustakaan Penjara

Berdasarkan kepada penyelidikan 2012-2015 dan 2018-2020 yang dilaksanakan; ternyata bahawa pesalah juvana gemar untuk memasuki perpustakaan penjara ketika waktu senggang sesi persekolahan atau selepas tamat sesi persekolahan. Tetapi, penggunaan perpustakaan penjara selepas waktu sekolah adalah terlalu singkat masanya memandangkan tiada guru yang bertugas selepas waktu tamat sesi persekolahan. Antara sebab kenapa pesalah juvana amat menggemari perpustakaan adalah untuk :

- a) Melihat warna
 - "Tiada warna di tempat tidur kami. Saya tengok warna yang sama sahaja. Saya rasa seperti telah menjadi manusia buta warna. Bila masuk disini, saya dapat melihat majalah ini; saya rasa gembira sangat. Ada warna biru, warna hijau."*
- b) Melihat gambar
 - "Saya tidak pandai membaca. Sekarang saya tengah belajar mengenal huruf. Saya tengok gambar sahaja, saya rasakan saya tahu buku ini mengenai apa."*
- c) Mengisi masa lapang
 - "Daripada saya bersukan, lebih baik saya duduk disini. Baca apa sahaja. Saya tidak pandai bersukan. Kalau bersukan pun, asyik kena tumbuk sahaja"*
- d) Peluang untuk berkomunikasi
 - "Duduk dalam ini, kita boleh belajar bercakap. Dengan cikgu. Dengan anggota. Macam-macam cerita boleh dapat. Saya gembira."*
- e) Mencari bahan
 - "Semasa di luar, saya tak pernah bersolat. Dalam ini, ustaz ajar kami cara bersolat. Saya suka mencari buku berkaitan solat. Banyak hikmahnya kalau kita bersolat ni. Tiada siapa beritahu kami dahulu"*

Kesimpulan

Setiap individu adalah berisiko untuk menjadi penghuni penjara. Adalah penting kepada kita sebagai satu masyarakat untuk saling membantu dan memahami keperluan dan hak penghuni penjara sebagai seorang manusia. Mereka mungkin tersilap langkah, dan penjaralah tempat yang dipilih untuk memulihkan mereka untuk menjadi insan yang lebih berguna pada suatu hari nanti. Kerana itu, fungsi perpustakaan penjara di dalam menyediakan koleksi bahan bacaan kepada penghuni penjara amatlah penting. Koleksi bahan bacaan inilah yang dapat membantu dan membentuk mereka selain daripada kelas atau ceramah atau hukuman yang mereka terpaksa lalui. Bak kata Malcolm X “ Buku boleh mengubah manusia”.

RUJUKAN

Hasan Bahrom, Dr. (2004). Remaja, kemiskinan dan juvana suatu reality? Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004). Hotel City Bayview Langkawi, Kedah. 4-6 September 2004.

Chiam, H.K. & Chan, S.G.(2011). A profile of delinquents in an approved school. Akademika, 81 (1), 101

- Eze, J. U. (2014). Information needs of prisoners in Southeast Nigerian prisons.
<http://idv.sagepub.com/content/early/2014/16/0266666914538042>
- Finn, J.D. (1989). Withdrawing from school. Review of Educational Research, 59 (2), 117 –142.
- Garrihy, J. & Watters, A. (2020). Emotions and agency in prison research. Methodological Innovations.
<https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/2059799120926341>
- Genzuk, M. (2003). A synthesis of ethnographic research. Retrieved on May 28,
2010 from http://www.rcf.usc.edu/~genzuk/Ethnographic_Research.html
- Harris, F., Hek, G.,&Condon, L. (2006).Health needs of prisoners in England and Wales: the implications for prison health care of gender, age and ethnicity. Retrieved on July 29, 2012
from <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1111/j.1365-2524.2006.00662.x/pdf>
- Harris, P. L. (1989). Children and emotion : The development of psychological understanding. Oxford : Basil Blackwell.
- Kennedy, T. (2006). Libraries without librarians are just a room full of books : A study of NSW corrective services. Retrieved on May 19, 2008
http://conferences.alia.org.au/alia2006/Papers/Toni_Kennedy.pdf
- Lehmann, V. (1999). Prison librarians needed : A challenging career for those with the right professional and human skills. 65thIFLA Council and General Conference, 20-28 August 1999, Bangkok, Thailand.
- Rafedzi, E.R.K., Jafalizan Md Jali, Irwan Kamaruddin Abd Kadir, Alwi Mohd Yunus (2022). World of Colours For Boys Behind The Walls : Malaysian Prison Library Perspectives. 5th International Conference on Information Science (ICIS 2022), 20 – 21 September 2022, Pulau Pinang, Malaysia.
- Rafedzi, E.R.K., Abrizah, A. & Yu, H. (2016). The challenges in making library services accessible to incarcerated male juveniles in five correctional schools. Malaysian Journal of Library and Information Science 21 (2) : 95 – 110.
- Rafedzi, E.R.K. (2016). Information needs and behavior of male juvenile delinquents in Malaysia.
Unpublished Thesis. Universiti Malaya.
- Rafedzi, E.R.K. & A. Abrizah. (2014). Information needs of male juvenile delinquents : the needs to be met in a prison setting. Information Development, 32 (3) <https://doi.org/10.1177/0266666914563357>
- World Youth Report (2003). Juvenile Delinquency. Retrieved on March 24, 2011 from
<http://www.un.org/esa.socdev/unyin/documents/ch07.pdf>